

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 20 OKTOBER 2016, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keperluan PJ Dispersal Link (PJD Link) dan adakah lebuh raya ini bakal menggantikan Kinrara – Damansara Expressway (Kidex) yang telah pun dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini masih belum memutuskan sebarang cadangan lebuh raya yang baharu untuk menggantikan projek Lebuh Raya Kinrara – Damansara (KIDEX). Proses rundingan untuk membina lebuh raya yang baharu – termasuk cadangan Lebuh Raya PJ Dispersal Link – terletak di bawah bidang kuasa Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) dan ia perlu dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan prinsip. Sehubungan itu cadangan projek Lebuh Raya PJ Dispersal Link bagi menggantikan Lebuh Raya KIDEX tidak berbangkit pada masa kini.

Sekian. Terima kasih.